



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	3/4/2017	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Rawat tapir cedera

**■ Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun jaga, rawat 62 mamalia hampir pupus sejak 2004**



FOTO: NUR SHAZREEN ZAMZURI

Iskandar Shah Mohamed dan Siti Nor Amirah Abu Bakar am@hmetro.com.my

### Hulu Selangor

Malaysia sememangnya unik kerana memiliki pelbagai jenis flora dan fauna yang jarang wujud di negara lain.

Salah satu antara kawasan taburan Tapir Malaya dan spesies itu boleh didapati di setiap hutan seluruh Semenanjung termasuk hutan paya hingga pergunungan rendah kecuali di Borneo.

Biarpun semakin terancam, usaha menyelamatkan dan merawat mamalia itu masih diteruskan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dengan mewujudkan Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun.

Sehingga kini, pusat konservasi itu memiliki 62 tapir berusia dua hingga 10 tahun dan 12 daripadanya masih kekal bagi tujuan rawatan dan pemulihan.

Ketua Pusat Konservasi Sungai Dusun, Alfie Syahril Anewar Ahmad berkata, kawasan itu dijadikan rizab untuk tujuan pemuliharaan haiwan berkenaan.

"Sejak pusat ini dijadikan rizab konservasi bagi tapir sekitar 2004 lalu, 62 tapir dijaga dan dirawat.

"Namun, sebahagian daripadanya dilepaskan ke habitat asal dan kini tinggal 12 ekor yang perlu dirawat dan disimpan bagi tujuan pembiakan tapir," katanya.

Menurutnya, hayati seekor



KAKITANGAN pusat konservasi mengusap seekor tapir.

### »»INFO

- Mula ditubuhkan pada 1964
- Sejak 2006, 62 tapir direkodkan
- Dirizabkan menjadi Pusat Konservasi Tapir pada 2004

tapir boleh mencecah sehingga 30 tahun dan tempoh tapir betina melahirkan seekor anak adalah 13 bulan.

"Sehingga kini, kami menyambut 12 kelahiran dan sekitar 2007, kami turut menerima kelahiran anak kembar dalam kurungan," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Ketua Unit Tapir PERHILITAN Muhamad

Bokhari Fadzil berkata, tapir yang dibawa ke pusat konservasi itu diberikan rawatan untuk kecederaan yang dialami.

"Kebanyakan tapir harus diberi rawatan selepas kecederaan itu dikenal pasti dan dirawat sehingga sembuh.

"Haiwan itu kemudian diajar kembali ke habitat asal sebelum dilepaskan di hutan terpilih.

"Kebiasaannya, kami melepaskannya di kawasan Taman Negara Pahang kerana populasi tapir lebih selamat



BOKHARI menunjukkan rupa tapak kaki tapir.

**“ Kami menyambut 12 kelahiran dan sekitar 2007, kami turut menerima kelahiran anak tapir kembar ”**

Alfie Syahril

di situ," katanya.

Kata Bokhari, Tapir Malaya merupakan spesies yang terlindung dan pihaknya sedang berusaha sebaik mungkin bagi memastikan spesies itu tidak pupus.

"Berdasarkan Seksyen 68 Subseksyen (1) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), mana-mana orang yang memburu atau menyimpan hidupan liar yang dilindungi boleh dikenakan tindakan," katanya.

